

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 11.3.2015

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tarikh pembinaan sekolah baru bagi SJKT Sungai Bakap memandangkan Timbalan Menteri Pendidikan, P. Kamalanathan menyatakan dalam temu ramah NST bahawa pembinaan akan bermula pada pertengahan tahun 2014 namun tiada apa-apa perkembangan dilihat di tapak baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pembinaan SJKT Sungai Bakap, Pulau Pinang telah disenaraikan di dalam peruntukan Pakej Rangsangan Khas (PRK) Tahun 2013 dengan peruntukan berjumlah RM3.5 juta yang melibatkan pembinaan 12 bilik darjah dan lain-lain kemudahan. Lokasi tapak pembinaan sekolah ialah di Lot 464, Mukim 04, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dan berkeluasan 3.4750 ekar.

Sekolah ini tidak dapat dibina mengikut masa yang awalnya dicadangkan kerana cadangan peruntukan yang digunakan iaitu peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) bagi tahun 2013 tersebut telahpun digunakan untuk menampung komitmen bagi projek

PRK 2012. Projek ini akan dilaksanakan menggunakan baki peruntukan PRK 2014.

RJM17